

28 MAY 2002

Wartawan/I

MALAM ANUGERAH AKHBAR 2001 JANJIKAN HADIAH MENARIK

PETALING JAYA, 28 Mei (Bernama) -- Hadiah menarik menanti mereka yang menghadiri Malam Wartawan Malaysia 2001 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini Ahad ini.

Hadiah utama bagi cabutan bertuah termasuk sebuah motosikal Jaguh dan sebuah Kriss keluaran Modenas bernilai RM12,000, tiket kapal terbang ke Paris bernilai RM3,000 sumbangan Air France, baucer beli-belah, barangan elektrik, aksesori komputer, telefon bimbit, pakej hotel dan hamper.

Selain itu, mereka yang menghadiri majlis anjuran Institut Akhbar Malaysia (MPI) ini akan menerima hadiah semasa memasuki dewan.

Pengerusi Institut Akhbar Malaysia (MPI), Datuk Mazlan Nordin yang menerima sumbangan hadiah bagi pihak MPI di Menara Star di sini hari ini, mengucapkan terima kasih kepada 63 syarikat yang memberi sumbangan bagi menjayakan majlis tersebut.

Katanya sambutan oleh sektor korporat adalah menggalakkan dan ini mencerminkan kesediaan mereka untuk terus bekerjasama dan mengeratkan lagi hubungan dengan pihak media.

Pengerusi jawatankuasa penganjur yang juga Ketua Pengarang Bernama, Jaafar Hussin berkata, Malam Wartawan Malaysia 2001 tidak dapat diadakan pada tahun lepas disebabkan oleh kekangan waktu, dan sebagai gantinya, ia diadakan pada tahun ini.

Anugerah berkenaan yang memberi pengiktirafan kepada wartawan tempatan diadakan setiap tahun sejak 1982.

Sebanyak 10 kategori anugerah disediakan dengan menawarkan hadiah bernilai RM150,000.

Dua hadiah utama iaitu Anugerah Kajai dan Wartawan Terbaik masing-masing menawarkan hadiah RM10,000.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menghadiri Malam Wartawan Malaysia itu.

-- BERNAMA

AT DC ANA SP MAI